

# Menjadi medium penyampai maklumat sahih dan berkesan

2017 yang diadakan di Hotel Labuan Dorsett Grand, pada Rabu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan, Haji Rithuan Haji Ismail.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan, Azman Sipan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan, Fadzilah Mahmud, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Rahimah Haji Lamat dan Timbalan Pengerusi K1M Wilayah Persekutuan Labuan, Haji Mazlan Datuk Mohd Din.

Rozman yang juga Pengerusi K1M Negeri Wilayah Persekutuan Labuan turut memberikan pujian terhadap agensi kerajaan, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Ketua Ketua Kampung kerana terus memberikan kerjasama bersepadu dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program-program yang dianjurkan oleh Jabatan



**PENGHARGAAN ...** Pengerusi K1M Zon 18, Herin Lampisau menerima sijil penghargaan daripada Rithuan sambil diperhatikan oleh Azman (kiri sekali), Fadzilah (dua dari kiri), Rahimah (kanan sekali) dan Mazlan (dua kanan).

Penerangan.

“Kerjasama bersepadu dan komitmen tersebut amat bertepatan dengan hasrat kerajaan melalui program Strategi Lautan Biro Kebangsaan (NBOS) yang menggalakkan perbelanjaan berhempah dalam melaksanakan sesuatu program”

katanya.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan berharap Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan bersama K1M yang juga rakan strategiknya akan terus mengorak langkah dan berganding bahu dalam menjayakan apa juga program

kerajaan.

Pada majlis itu semua agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu yang terlibat dalam menjayakan Program Bulan Kemerdekaan 2017 anjuran Jabatan Penerangan Malaysia menerima sijil penghargaan. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN.**

# K1M mampu menjadi medium penyampai maklumat sahih dan berkesan

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli berkata, Komuniti 1 Malaysia (K1M) yang dikawal selia oleh Jabatan Penerangan Malaysia, mampu menjadi medium penyampai maklumat yang sahih, tepat dan berkesan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Ini kerana katanya, setiap ahli K1M merupakan ejen kerajaan yang bukan sahaja menjadi mata dan telinga tetapi juga membantu kerajaan dalam merealisasikan dasar-dasar yang digubal untuk kepentingan rakyat dan negara.

"Disamping itu K1M yang turut diterajui oleh pemimpin masyarakat dapat membantu pihak kerajaan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian maklumat yang lebih berkesan dan telus kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Santai Merdeka@Komuniti peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

2017 yang diadakan di Hotel Labuan Dorset Grand, pada Rabu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan, Haji Rithuan Haji Ismail.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan, Azman Sipan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan, Fadzilah Mahmud, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Rahimah Haji Lamat dan Timbalan Pengerusi K1M Wilayah Persekutuan Labuan, Haji Mazlan Datuk Mohd Din.

Rozman yang juga Pengerusi K1M Negeri Wilayah Persekutuan Labuan turut memberikan pujian terhadap agensi kerajaan, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Ketua Ketua Kampung kerana terus memberikan kerjasama bersepadu dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program-program yang dianjurkan oleh Jabatan



PENGHARGAAN ... Pengerusi K1M Zon 18, Herin Lampisau menerima sijil penghargaan daripada Rithuan sambil diperhatikan oleh Azman (kiri sekali), Fadzilah (dua dari kiri), Rahimah (kanan sekali) dan Mazlan (dua kanan).

Penerangan.

"Kerjasama bersepadu dan komitmen tersebut amat bertepatan dengan hasrat kerajaan melalui program Strategi Lautan Biro Kebangsaan (NBOS) yang menggalakkan perbelanjaan berhemah dalam melaksanakan sesuatu program"

katanya.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan berharap Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan bersama K1M yang juga rakan strategiknya akan terus mengorak langkah dan berganding bahu dalam menjayakan apa juga program

kerajaan.

Pada majlis itu semua agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu yang terlibat dalam menjayakan Program Bulan Kemerdekaan 2017 anjuran Jabatan Penerangan Malaysia menerima sijil penghargaan. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN**